

FTA: Malaysia, AS gagal tepati tarikh tutup

WASHINGTON, 1 April - Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) tidak dapat memenuhi tarikh tutup untuk mengemukakan Perjanjian Perdagangan Bebas Dua Hala (FTA) kepada Kongres AS bagi mendapatkan 'kelulusan cepat' perjanjian itu.

Duta Besar AS ke Malaysia, Christopher LaFleur berkata, sungguhpun kedua-dua buah negara tidak dapat memenuhi tarikh tutup itu, apa yang penting bukanlah masa tetapi isi kandungan perjanjian tersebut.

"Hasrat kedua-dua negara itu ialah untuk mencapai kualiti tinggi mengenai FTA yang memberikan manfaat kepada kedua-dua

buah negara," katanya semasa berucap pada Persatuan Malaysia-Amerika Syarikat di American University di sini, Jumaat lalu.

Pentadbiran Bush berminat mengambil peluang terhadap 'Kecepatan' Presiden atau Pihak Berkuasa Promosi Perdagangan (TPA) yang akan berakhir pada Jun ini.

Di bawah status TPA sekarang, FTA perlu dikemukakan 90 hari sebelum akhir Jun bagi memastikan sama ada ia diterima atau tidak-pengundian tanpa pindaan kepada perjanjian itu oleh Kongres.

LaFleur berkata, perbincangan masih lagi diadakan antara pentadbiran itu dan Capitol

Hill mengenai apa yang perlu dibuat terhadap perjanjian perdagangan itu yang belum lagi disiapkan.

AS dan Korea Selatan juga sedang berunding mengenai FTA dan tarikh tutup itu telah dilanjutkan selama 48 jam.

Sementara itu, rundingan perdagangan AS-Malaysia yang buntu di Sabah akan disambung semula di Washington pada pertengahan bulan ini.

Pejabat Wakil Perdagangan AS menyatakan bahawa Malaysia meminta masa mendapatkan satu konsensus politik dalam Kabinet mengenai cara meneruskan isu tertangguh -

'resolusi seperti itu merupakan langkah perlu sebelum rundingan boleh diteruskan'.

Ancaman yang dirasakan kepada hak bumi-putera dan produk pertanian adalah antara isu yang disuarakan Malaysia mengenai FTA.

Duta itu berkata, laporan media bahawa perjanjian perdagangan akan menyebabkan kebanjiran beras AS di pasaran Malaysia adalah tidak berasas kerana kemungkinan harga beras negara itu lebih mahal dari beras tempatan.

"Cabaran kemungkinan datang dari Thailand atau Vietnam dan bukan dari AS," katanya.

- Bernama